

Satu kes baharu, 2 dibenar pulang

Wanita tempatan pernah pergi ke Jepun sah positif virus

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan mengesahkan satu kes baharu positif coronavirus (COVID-19) di-kesan semalam, membabitkan seorang wanita tempatan berusia 53 tahun yang mempunyai sejarah perjalanan ke Jepun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata wanita berkenaan mempunyai gejala demam sehari selepas pulang dari negara berkenaan pada 23 Februari lalu, sebelum mendapatkan rawatan di sebuah hospital di Kuala Lumpur.

"Ujian pengesahan COVID-19 diambil bagi kes ini dan pesakit disahkan positif hari ini (semalam)," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata, bagi dua kes



Dr Noor Hisham Abdullah

individu yang sebelum ini dila-porkan positif iaitu kes ke-16 dan ke-20, masing-masing sudah dibenarkan pulang semalam.

"Kes ke-16 membabitkan wanita warga China berusia 67 tahun yang mendapat rawatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL), manakala kes ke-20 seorang warga Amerika Syarikat yang mendapat rawatan di Hospital Sungai Buloh.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan individu yang sudah pulih sepenuhnya serta dibenarkan pulang sebanyak 22 kes," kata-nya.

Dalam perkembangan lain, Dr Noor Hisham memaklumkan se-



Orang ramai diingat mengamalkan langkah pencegahan bagi mengelak penularan COVID-19.

(Foto BERNAMA)

hingga semalam, seramai 1,569 in-diividu sudah diambil sampel bagi pengesahan COVID-19, membabitkan pesakit di bawah pemantauan (PUI), kontak rapat, misi bantuan kemanusiaan dan penumpang kapal persiaran *Dear World*.

"Daripada jumlah ini, 23 kes disahkan positif COVID-19 dan 1,523 lagi negatif, manakala 23 lagi masih menunggu keputusan mak-mal," katanya.

Dr Noor Hisham menyarankan

rakyat Malaysia menangguhkan perjalanan ke wilayah atau bandar yang diisyiharkan sebagai kawasan wabak COVID-19 di Republik Rakyat China seperti dimaklumkan sebelum ini, selain Korea Selatan, Jepun, Itali serta Iran.

"Orang ramai diingatkan mengamalkan langkah pencegahan khususnya kepada pengembara semasa berada di negara berkenaan dan selepas pulang

ke Malaysia.

"Sehingga hari ini, sejumlah 81,398 kes COVID-19 membabitkan 2,770 kematian dilaporkan di seluruh dunia. Daripada jumlah itu, empat peratus atau 3,200 kes dilaporkan di luar China yang membabitkan 52 kematian.

"Menerusi pemantauan dijalankan, didapati Korea Selatan, Je-pun, Itali dan Iran menunjukkan peningkatan kes ketara dalam tempoh seminggu lalu," katanya.